

06 MAR 2004

PILIHAN RAYA : DR MAHATHIR BIDAS NIK AZIZ

ALOR STAR, 6 Mac (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang berkeras mahu menggunakan isu "undi PAS masuk syurga"

sehingga sehari sebelum penamaan calon pada 13 Mac ini.

Penasihat Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) Kedah itu berkata tindakan

Nik Aziz itu melebihi apa yang diajar Nabi Muhammad S.A.W. iaitu umat Islam

dijanjikan syurga apabila membuat kebaikan.

"Saya nak tanya Nik Aziz bila dia pergi syurga dan tengok orang yang undi PAS ada dalam syurga," katanya pada majlis perjumpaan bersama jentera

kerja pilihan raya BN Kedah di Bangunan Tunku di sini.

Dr Mahathir berkata orang PAS tentunya tidak payah bersembahyang dan

melakukan apa yang disuruh Tuhan di mana mereka akan masuk syurga apabila

mengundi PAS pada pilihan raya.

"Kalau macam itu, penyangak dan perogol tentu akan masuk syurga jika

masuk PAS dan undi parti itu," tambahnya.

-- BERNAMA

MAN MOZ